



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR**PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : ETIKA PROFESIONAL
KOD KURSUS : MPU2223
PEPERIKSAAN : APRIL 2019
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Jawab semua soalan dari **BAHAGIAN A, BAHAGIAN B** dan **BAHAGIAN C**
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

○

○

BAHAGIAN A

Baca petikan di bawah dengan teliti dan jawab semua soalan dalam Buku Jawapan.

Mengenal Etika di Tempat Kerja

Manusia pada dasarnya ingin selalu dihargai, baik secara kudrat, harkat ataupun martabat. kebanyakan orang mengetahui perbezaan antara perkara yang baik, dan yang tidak baik menurut undang-undang, harus jujur, tidak curang, dan sebagainya. Namun demikian selalu timbul masalah-masalah yang sukar diketahui garis pemisah antara baik dan buruk dalam hubungan peribadi ataupun hubungan rasmi. Etika dapat diertikan sebagai moral, masyarakat sering mengaitkan moralitas dengan adat istiadat atau kebiasaan yang baik yang berlaku dalam masyarakat. Etika bererti sopan santun, etika bukan hanya digunakan dalam pergaulan saja, tetapi juga dapat dijadikan sebagai jalan untuk melancarkan hubungan serta pelbagai urusan.

Dalam dunia kerja, etika sangat penting kerana etika menjadi kunci dan panduan profesionalisme kerja. Oleh itu, perkara mengenai etika perlu dibahas terlebih dahulu sebelum perkara berkenaan diguna pakai. Hal ini demikian kerana, etika dalam tempat kerja memberikan petunjuk kepada setiap pegawai sebagai pedoman dalam bertindak dan memperlakukan sesiapa sahaja dengan cara yang baik dan sikap yang wajar.

Di manapun kita berada, etika pergaulan haruslah dititikberatkan. Batas pergaulan itu hendaklah diselarikan dengan situasi keliling seperti batas antara lelaki dan wanita serta batas antara yang berusia dan lebih muda. Kebiasaan dalam tutur sapa di pejabat, panggilan hormat digunapakai seperti "Tuan", "Puan", "Encik" dan "Cik". Menjadi kelaziman di mana sahaja mengikut hierarki dalam sesuatu organisasi. Selain itu, etika bercakap melalui telefon dan berhadapan muka juga perlu

ditekankan. Apabila percakapan berhadapan muka, individu itu boleh membiarkan begitu saja kata-kata yang tidak jelas diucapkan. Tetapi melalui telefon, gerak-geri, sopan-santun serta muka tidaklah nampak, hanya suara yang terdengar. Oleh sebab itu kita hendaklah sanggup mengucapkan tiap-tiap kata dan kalimat dengan nada yang jelas dan terang. Lawan bicara di telefon, jauh lebih menghargai suara yang mudah ditangkap daripada senyum simpul yang tidak kelihatan. Sehubungan dengan itu, menjaga serta menyimpan rahsia . Berusahalah untuk dapat memegang teguh rahsia yang tidak boleh diketahui umum. Kita perlulah menjauhkan diri dari individu yang suka mengambil tahu atau memburukkan antara satu sama lain. Jangan sampai hal-hal tersebut diatas sampai menyusahkan kita, sebab mereka juga sebenarnya tahu bahawa mereka tidak berhak untuk menanyakan hal itu.

(Disesuaikan daripada petikan "Mengetahui Etika di Tempat Kerja", Blognya Anak Akuntansi)

1. Berdasarkan petikan di atas, senaraikan **empat(4)** etika di tempat kerja.
(4 markah)
2. Terangkan **empat(4)** sebab berlakunya pelanggaran etika di tempat kerja.
(8 markah)
3. Berdasarkan pendapat anda, terangkan **empat(4)** langkah mempertingkatkan lagi etika dalam organisasi berserta contoh yang sesuai.
(8 markah)

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **lima (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Secara umum, kajian tentang etika profesional melibatkan semua isu etika dan nilai dalam sesuatu bidang profesion dan tingkah laku golongan profesional dalam masyarakat.

a. Senaraikan **dua(2)** golongan profesional

(2 markah)

b. Apakah takrif profesion dan profesional?

(4 markah)

c. Terangkan **dua(2)** kriteria khusus yang perlu ada dalam kalangan profesional.

(4 markah)

SOALAN 2

Usaha untuk memberikan persamaan peluang bagi mendapatkan perkhidmatan profesional ada kalanya dibatasi oleh faktor geografi, faktor bangsa dan faktor ekonomi.

a. Apakah yang dimaksudkan sebagai profesional perunding?

(2 markah)

b. Nyatakan tanggungjawab utama golongan profesional..

(2 markah)

c. Huraikan faktor-faktor ekonomi yang berikut dalam memberikan kesamaan peluang.

i. monopoli.

ii. bayaran perkhidmatan.

iii. pengkhususan kepakaran.

(6 markah)

SOALAN 3

Obligasi terhadap klien menjadi persoalan pokok dalam membincangkan isu tanggungjawab profesional ketika memberikan perkhidmatannya. Soal hubungan profesional-klien sepatutnya dilihat dalam konteks hubungan yang biasa berlaku bukannya dalam kes-kes yang khusus.

- a. Siapakah yang dimaksudkan sebagai pihak ketiga dalam konteks memberikan perkhidmatan?

(1 markah)

- b. Berikan **tiga (3)** sebab yang mendorong golongan profesional membuka rahsia maklumat klien

(3 markah)

- c. Terangkan "model" yang berikut yang boleh diaplikasikan dalam hubungan profesional-klien.

- i. Model Agensi
ii. Model Persahabatan

(6 markah)

SOALAN 4

Pada umumnya seorang profesional itu mempunyai hak moral yang bertindih dengan hak sebagai manusia biasa, sebagai pekerja dan sebagai golongan profesional.

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan diskriminasi?

(2 markah)

- b. Terangkan **dua(2)** kesan diskriminasi terhadap pekerja.

(4 markah)

- c. Huraikan **dua (2)** hak moral yang perlu diberikan kepada seseorang pekerja.

(4 markah)

SOALAN 5

Secara umumnya, semua profesion mempunyai peraturan-peraturannya yang dikuatkuasakan sendiri. Norma-norma tersebut telah dikenal pasti dan dikuatkuasakan oleh profesion masing-masing.

a. Apakah yang dimaksudkan dengan kod etika?

(2 markah)

b. Berikan **dua(2)** perkara penting dalam membina kod etika.

(2 markah)

c. Huraikan **tiga(3)** pendekatan baru bagi memastikan kepatuhan terhadap norma-norma profesional.

(6 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **satu(1)** soalan sahaja.

Tulis jawapan anda di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Tonggak 12 merupakan dasar dan pokok kepercayaan dan pegangan kepada sesuatu tindakan oleh pejawat awam. Ia juga menjadi amalan kepada semua peringkat kakitangan awam di semua peringkat organisasi serta mengamalkan sikap yang baik dan menghindari sikap negatif. Selain itu, ia menekankan dasar kepercayaan bahawa nilai-nilai penting akan membentuk peribadi manakala peribadi pula membentuk organisasi. Bincangkan **lima (5)** nilai murni berserta contoh yang boleh diaplikasikan dalam memberikan perkhidmatan. Perbincangan anda mestilah mengandungi pendahuluan, isi berserta huraian dan penutup.

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

